



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

SOALAN-SOALAN LAZIM PROGRAM REKALIBRASI PULANG

1. Apakah itu Program Rekalibrasi Pulang?

Program Rekalibrasi Pulang merupakan suatu inisiatif oleh Kerajaan bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI untuk balik ke Negara asal secara sukarela yang telah melakukan kesalahan tinggal lebih masa dan berada di Malaysia tanpa memiliki pas yang sah.

2. Siapakah yang layak menyertai Program Rekalibrasi Pulang?

2.1 Warga asing yang telah melakukan kesalahan seperti berikut:

- a. Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 iaitu masuk dan tinggal di Malaysia tanpa pas atau permit yang sah;
- b. Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 iaitu tinggal lebih masa;
- c. Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 iaitu melanggar syarat Pas.

2.2 Pemegang Pas Lawatan Kerja (PLKS) yang tiada majikan dan pas masih berlaku sehingga 30 Jun 2021.

2.3 PATI yang pernah berdaftar dengan program terdahulu (Program 3+1 dan Program *Back For Good*) **LAYAK** menyertai program ini.

2.4 PATI hendaklah mengemukakan passport / dokumen perjalanan dan tiket pulang ke negara asal dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh janji temu.

3. Berapakah kos yang perlu dibayar bagi Program Rekalibrasi Pulang?

KESALAHAN	KADAR KOMPAUN
Tinggal Lebih Masa Seksyen 15(1)(c) : Akta Imigresen 1959/63	RM 500.00
Tiada Pas Yang Sah Seksyen 6(1)(c) : Akta Imigresen 1959/63	RM 500.00
Salahguna Pas Peraturan 39(b) : Peraturan-Peraturan Imigresen 1963	RM 300.00

3.1 Tiada bayaran perkhidmatan lain dikenakan serta pastikan resit rasmi diterima; dan

3.2 Bayaran kompaun menerusi kad debit / kad kredit.

4. Bilakah jangka masa / tempoh Program Rekalibrasi Pulang dilaksanakan?

Program ini dilaksanakan mulai **1 Mac 2021** sehingga **30 Jun 2021**.

5. Adakah Program Rekalibrasi Pulang melibatkan vendor atau pihak ketiga?

Program ini dijalankan sepenuhnya oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan dipantau oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) tanpa melibatkan vendor atau pihak ketiga.

6. Apakah bentuk tindakan yang akan dikenakan ke atas PATI yang masih berdegil dan tidak menggunakan peluang ini untuk pulang ke Negara asal?

Mana-mana PATI yang masih berdegil dan enggan menyertai program ini akan ditangkap semasa operasi penguatkuasaan, tindakan tegas akan diambil termasuklah:

6.1 Hukuman penjara;

6.2 Hukuman denda; dan atau

6.3 Hukuman sebatan

7. Bagaimana untuk menyertai Program Rekalibrasi Pulang?

PATI yang layak perlu mendapatkan janji temu secara atas talian menerusi Sistem Temujanji Online (STO) di pautan: sto.imi.gov.my dan hadir ke Pejabat Imigresen Negeri mengikut tarikh dan masa janji temu yang dipilih.

CATATAN :

Sila hadir ke Pejabat JIM yang dipilih bersama dokumen berikut:

- i. Pasport / Dokumen Perjalanan yang sah;
- ii. Tiket pulang ke Negara asal (sah laku dalam tempoh 14 hari dari tarikh janji temu); DAN
- iii. Bayaran kompaun
 - RM500 bagi kesalahan Seksyen 6(1)(c) dan 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63;
 - RM300 bagi kesalahan Peraturan 39(b), Peraturan-Peraturan Imigresen 1963
- iv. Pembayaran boleh dilakukan seperti kaedah berikut:
 - Kad Kredit / Debit

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI SARAWAK